

KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN PAKEJ KERJA SISTEM KUTIPAN TAMBANG AUTOMATIK

Kuala Lumpur, 9 September 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan pakej kerja Kutipan Tambang Automatik (Automatic Fare Collection) bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) kepada Indra Sistem as dan Rasma Corporation Consortium.

Konsortium yang terdiri daripada syarikat multinasional perundingan dan teknologi tersenarai awam Sepanyol, Indra Sistem as S.A dan syarikat Malaysia, Rasma Corporation Sdn. Bhd. Indra Sistem as memegang 80% ekuiti dalam konsortium ini manakala baki 20% dipegang oleh Rasma Corporation.

Keputusan untuk menganugerahkan Pakej Kerja SSP-SY-207 bagi kejuruteraan, perolehan, pembinaan, pengujian dan pentauliahan sistem Kutipan Tambang Automatik kepada konsortium ini dibuat berikutan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (*One-Stop Procurement Committee*) yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II YB Datuk Johari Abdul Ghani.

Pakej kerja ini bernilai RM152.9 juta.

Semasa mengucapkan tahniah atas kejayaan konsortium tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata sistem Kutipan Tambang Automatik merupakan komponen yang penting bagi pembinaan Laluan SSP.

"Anugerah hari ini adalah penting kerana ia menandakan satu langkah ke hadapan bagi kemajuan Projek laluan kedua MRT Lembah Klang. Malah, ini merupakan pakej kerja yang terakhir daripada tujuh pakej kerja sistem yang telah berjaya dianugerahkan bagi Laluan SSP," ujar beliau.

Shahril berkata petender yang berjaya tersebut adalah antara lima konsortium yang telah mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja ini.

Beliau berkata pemilihan tender yang berjaya bagi pakej-pakej kerja Projek MRT adalah berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, di mana kedua-dua aspek teknikal dan komersial tender dinilai. Justeru, tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah.

"Namun, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa untuk tender ini, petender yang berjaya telah mengemukakan harga terendah untuk pakej kerja ini," ujarinya.



Sistem Kutipan Tambang Automatik terdiri daripada semua perisian turut termasuk semua lesen-lesen yang diperlukan, jenis tiket, pusat komputer sistem kutipan tambang automatik, komputer perakaunan stesen, pintu tiket automatik, mesin tiket layan diri, pemproses tiket, sistem pengendalian tunai dan kerja-kerja lain yang berkaitan.

Sistem ini juga akan disepadukan dengan Sistem Bayaran Tanpa Tunai bagi sistem pengangkutan awam di Lembah Klang.

Dengan penganugerahan ini, bilangan pakej kerja yang telah dianugerahkan oleh MRT Corp bagi Laluan SSP kini adalah sebanyak 23.

Ini terdiri daripada lapan pakej kerja awalan, empat pakej kerja jejambat, satu pakej kerja bawah tanah, tujuh pakej kerja sistem, dua pakej kerja pembekal yang telah ditetapkan dan satu pakej kerja depoh.

-tamam/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li
MRT Corp

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my